

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT SEMAI BAKTI FELDA

TEMPAT: DEWAN MERDEKA PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 08 AUG 1988

MASA:

Yang Berhormat Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud,
Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan
Wilayah;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama di majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Felda kerana menjemput saya ke majlis ini.

2. Felda merupakan salah sebuah agensi yang penting bukan sahaja untuk pembangunan negara, tetapi juga untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat terutamanya di luar bandar. Projek-projek yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di luar bandar rumit dirancangkan dan sukar pula untuk dilaksanakan dengan berkesan. Usaha ini melibatkan masyarakat secara langsung. Kegiatan yang melibatkan masyarakat terpaksa berhadapan dengan soal nilai-nilai hidup, sikap, pegangan dan kepercayaan. Rangkaian nilai mencorakkan sikap dan gerak-geri seseorang. Nilai dan sikap sukar diubah. Ia tidak mudah tanggal. Menukar sikap melibatkan fikiran. Matlamat kita ialah untuk menukar sikap megah dan bangga menerima bantuan dan subsidi kepada sikap yang mengutamakan berdikari dan kejayaan melalui usaha sendiri. Pada perhitungan terakhirnya, mereka yang sentiasa diberi bantuan dan perlindungan tidak akan berupaya mempertahankan diri apabila berhadapan dengan cabaran dan saingan. Mereka kalah sebelum bertarung dan menyerah sebelum mencuba.

3. Dalam apa juga langkah dan tindakan, kita mestilah meletakkan matlamat seberapa tinggi yang boleh. Kita mestilah cuba mencapai yang terbaik, usaha yang paling sempurna dan prestasi yang paling tinggi. Kita jangan cepat berpuashati dengan kejayaan-kejayaan kecil sedangkan kejayaan yang besar boleh kita capai jika dicuba dengan bersungguh-sungguh.

4. Kerajaan sedar bahawa rancangan-rancangan Felda bukanlah estet biasa, dilihat baik daripada segi ekonomi ataupun daripada sudut kemasyarakatannya. Namun demikian, tidak ada sesuatu pun yang menghalang Felda meletakkan matlamat kecekapan seperti yang diperolehi di ladang swasta.

Ladang-ladang swasta telah berjaya diuruskan dengan cekap, dengan kos yang rendah dan berupaya menghasilkan pengeluaran yang paling tinggi. Kita sedar bahawa strategi Felda digubal berasaskan campuran antara kebun kecil dengan ladang swasta. Jalan yang paling mudah untuk Felda ialah melakukan apa yang biasa dibuat oleh pekebun-pekebun kecil. Dengan cara ini, kerja pun mudah, tekanan pun kurang. Kalau amalan ini diteruskan, sudah tentu tidak ada kemajuan. Oleh itu, Felda perlu mencontohi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh ladang-ladang swasta.

5. Semenjak Felda ditubuhkan, Kerajaan terpaksa menampung kos mentadbir Felda. Memandangkan projek yang dijalankan oleh Felda adalah untuk kepentingan rakyat dan pembangunan negara, Kerajaan terus memberikan peruntukan-peruntukan yang diperlukan. Felda terus berkembang. Perbelanjaan pembangunan dan kos pentadbirannya juga turut bertambah. Ini merupakan satu beban yang berat kepada Kerajaan terutamanya semasa negara menghadapi kekurangan pendapatan. Saya tidak mengatakan bahawa Kerajaan ingin melarikan diri daripada tanggungjawabnya. Tetapi, hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah ladang-ladang swasta mendapat keuntungan walaupun semua perbelanjaan pengurusan dan pembiayaan hutang dipikul oleh ladang-ladang itu sendiri daripada pendapatan hasil pengeluaran mereka. Di waktu harga menurun sekalipun, ladang-ladang swasta mampu menampung semua perbelanjaan daripada hasil pasaran. Ladang-ladang ini tidak mendapat sebarang pendahuluan daripada mana-mana pihak.

6. Kerajaan mempunyai tanggungjawab bukan sahaja kepada Felda tetapi juga kepada para petani, nelayan dan semua penduduk luar bandar. Perbelanjaan pengurusan Kerajaan juga mesti dipikul oleh Kerajaan, di samping membiayai pembangunan negara. Segala perolehan Kerajaan terpaksa dibahagi-bahagikan secara adil dan saksama. Jika mana-mana bahagian dapat membantu diri sendiri, tidaklah adil bagi Kerajaan membantunya sepanjang masa sehingga bahagian-bahagian yang lain tidak dapat peruntukan yang sepatutnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Negara kita adalah pengeluar utama minyak sawit dan getah. Sepertimana kita maklum harga komoditi ini tidak tetap. Kadang-kadang tinggi, kadang-kadang rendah. Di waktu harga rendah bantuan oleh Kerajaan wajar diberi. Tetapi apabila harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit naik, tidaklah wajar bantuan diteruskan. Sekarang ini harga getah dan kelapa sawit melambung naik. Jika pembiayaan oleh Kerajaan dapat dihenti atau dikurangkan, kita akan mempunyai wang yang lebih untuk mereka yang tidak dapat menikmati harga tinggi bagi komoditi-komoditi yang lain. Inilah cara hidup bermasyarakat.

8. Kerajaan boleh merancang berbagai program dan melaksanakan beraneka projek tetapi yang menentukan berjaya atau gagalnya projek-projek ini ialah masyarakat yang

terlibat itu sendiri. Di rancangan-rancangan, peneroka-penerokalah yang sepatutnya menjadi nadi dan daya penggerak, baik untuk usaha ekonomi ataupun kemasyarakatan. Jika sambutan terhadap projek adalah dingin dan jika kerjasama yang diberikan juga adalah lembab, projek itu akan gagal. Kita mengharapkan perpindahan dari kampung-kampung terpencil ke rancangan-rancangan tanah dapat membawa perubahan. Jika mereka yang telah berpindah masih mengamalkan cara-cara yang lama, yang jelas tidak menguntungkan, maka perpindahan itu akan menjadi sia-sia sahaja. Sekiranya keadaan seperti ini berlaku, walaupun Felda dapat membawa perubahan tetapi hasilnya tidaklah seperti yang dijangka dan diharapkan.

9. Kunci kejayaan terletak pada masyarakat peneroka itu sendiri. Jika kuat berusaha, insya-Allah, cepatlah berjaya. Kita mesti mempunyai daya usaha. Kita tidak harus bergantung dan berharap semata-mata kepada hasil dari kawasan ladang kita. Terdapat di dalam dan di luar projek, beberapa peluang bagi peneroka menceburkan diri dalam projek-projek ekonomi sampingan. Apabila kegiatan ekonomi dipelbagaikan, pendapatan juga akan bertambah.

10. Sungguhpun pendapatan peneroka tidak sentiasa stabil, turun naik selari dengan rentak harga barangan di pasaran dunia, tetapi pada keseluruhannya, pendapatan peneroka adalah lebih baik daripada apa yang diperolehi sebelum menyertai rancangan-rancangan Felda. Memang benar, kalau diikutkan hati, kalau dimanjakan rasa, pendapatan yang walaubagaimana tinggi sekalipun masih belum mencukupi. Kita patut mengubah sikap. Kita mesti belajar berjimat-cermat, yang dikais pagi tidak semuanya mesti dihabiskan di waktu pagi, sebahagiannya disimpan untuk keperluan sebelah petang atau sebelah malam ataupun untuk hari esok. Sikap berjimat-cermat dan tabiat menyimpan wang mestilah dipupuk dan disemai. Ingatlah hari ini harga getah dan kelapa sawit tinggi dan kita mempunyai wang. Tetapi harga yang tinggi ini tidak akan kekal selama-lamanya. Oleh itu, jika kita mempunyai simpanan atau pelaburan lain, kita tidak akan terlalu menderita apabila harga komoditi ini jatuh.

11. Peneroka-peneroka sepatutnya juga menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka. Usaha ini bukan sahaja dapat menentukan masa depan keluarga lebih terjamin, tetapi juga dapat membantu menggerak-cepatkan rentak pembangunan negara. Berbagai kemudahan telah disediakan, berbagai agensi telah ditubuhkan untuk memudahkan urusan menyimpan dan melabur. Saya difahamkan pentadbiran Felda juga ada menyediakan kemudahan untuk membolehkan peneroka dan keluarga menyimpan dan melaburkan wang mereka dan mendapat pulangan yang baik pula. Gunakanlah kesempatan dan kemudahan ini dengan baik.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Sebagai warganegara, kita semua mempunyai hak dan keistimewaan tertentu. Sebagai rakyat negara yang merdeka, kita juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang mesti

dimainkan. Kalau kita ingin melihat negara kita maju, aman dan makmur, setiap rakyat mestilah menyempurnakan tanggungjawabnya. Kita tidak boleh hanya berpeluk tubuh dan mengharapkan orang lain mengendalikan segala-galanya untuk kita. Yang lebih malang lagi, kita tidak mahu melihat wujudnya satu golongan yang bukan sahaja tidak mahu berusaha, tetapi juga memburukkan lagi keadaan dengan menyalahkan setiap orang lain apabila sesuatu yang malang berlaku. Kita semua mestilah sanggup dan berupaya menjalankan peranan dan tugas masing-masing dengan jujur dan bersungguh-sungguh.

13. Kita bergerak dalam bidang pembangunan. Untuk merancang projek-projek baru dan bagi memastikan projek-projek lama terus maju dan berkembang, kita memerlukan kakitangan yang matang. Untuk memastikan kita dapat bersaing dengan jayanya, kita juga memerlukan pengurus-pengurus yang cekap. Untuk memastikan bahawa Felda terus berjaya dan meneroka bidang-bidang baru, kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang berupaya dan yang berwibawa. Inilah syarat penting bagi meneruskan pembangunan yang sedang pesat berjalan.

14. Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada Felda yang telah lama mewujudkan sistem yang dapat mendorong kakitangannya berkhidmat dengan penuh dedikasi melalui pemberian Pingat Semai Bakti, Hadiah Pengurus Terbaik dan Pingat Emas kepada Ketua-Ketua Peneroka.

15. Adalah menjadi harapan saya agar penerima-penerima pingat dan hadiah ini akan melahirkan semangat baru yang dapat pula mencetuskan daya pengeluaran yang lebih tinggi. Saya berharap semoga kakitangan lain, yang tidak kurang cekapnya, akan terus berazam untuk mencontohi mereka yang berjaya ini. Saya percaya dengan tindakan padu dan bersepadu oleh semua kakitangan serta pimpinan dinamis daripada pengurusan, Felda akan lebih maju. Terima kasih.